

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN CIVIL SERVICE LINK (CSL)

TEMPAT: MAMPU, JABATAN PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR

TARIKH: 09 AUG 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada MAMPU kerana menjemput saya untuk melancarkan Projek Civil Service Link atau CSL pada hari ini.

2. Pembangunan yang pesat dan dinamik banyak bergantung kepada perolehan dan penggunaan pengetahuan dan maklumat. Dunia yang kini mengalami perubahan yang ketara, terutamanya di dalam bidang telekomunikasi, pengangkutan dan teknologi maklumat, semakin lama semakin kecil daripada sudut perhubungan. Aliran maklumat dan teknologi yang melampaui sempadan negara merupakan cabaran yang hebat kepada Malaysia yang mempunyai ekonomi yang terbuka. Justeru itu, kita harus mempunyai keupayaan untuk bertindak dengan pantas dan berkesan bagi menghadapi perubahan yang pesat dalam perdagangan dan pelaburan sedunia.

3. Maklumat yang relevan, tepat dan kemaskini amat penting dalam menentukan kadar pertumbuhan sosio-ekonomi. Sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi memerlukan maklumat untuk bersaing dalam pasaran dunia.

4. Kini kita dapati kebanyakan maklumat yang diperlukan oleh sektor swasta adalah dalam milik agensi-agensi Kerajaan. Perangkaan ekonomi makro, ramalan dan analisis mengenai arah aliran sektor-sektor ekonomi, indikator sosial, sains dan teknologi merupakan input utama yang boleh membantu syarikat-syarikat sektor swasta dalam perancangan mereka. Di samping itu, maklumat-maklumat mengenai ekonomi, pasaran dan dasar-dasar Kerajaan dapat mempengaruhi aktiviti-aktiviti sektor swasta. Perolehan maklumat yang tepat dan lengkap tentu sekali dapat membantu proses harian syarikat-syarikat swasta.

5. Begitu juga dengan pihak Kerajaan. Dalam merangka strategi pertumbuhan ekonomi, maklumat-maklumat penting yang dipunyai oleh sektor swasta, seperti perkembangan dalam pasaran serta maklum balas mengenai perkhidmatan Kerajaan, diperlukan bagi meningkatkan mutu di samping mempercepatkan lagi proses 'decision making' oleh Kerajaan.

6. Memandangkan hakikat bahawa bertukar-tukar maklumat di antara sektor swasta dengan Kerajaan adalah penting, maka haruslah wujud kerjasama yang lebih erat di dalam

perkongsian maklumat antara kedua-dua pihak. Aliran dua hala maklumat ini akan dapat meningkatkan lagi daya saingan negara kerana masa dan tenaga akan dapat dijimatkan.

7. Malaysia telah dan akan terus memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan sosio-politik wilayah, ekonomi, alam sekitar dan teknologi. Ini bererti bahawa maklumat-maklumat asas harus dapat mempengaruhi keputusan-keputusan kita supaya penglibatan kita adalah lebih berkesan dan bermakna.

8. Dalam hal ini, Kerajaan telah memberi penekanan yang serius kepada keperluan menyebarkan maklumat penting di bawah Dasar Persyarikatan Malaysia. Ini kerana penyebaran maklumat yang meluas dapat membantu sektor swasta mengetahui dengan jelas aspek-aspek seperti undang-undang, peraturan dan prosedur Kerajaan yang digunakan, proses-proses yang terlibat, jenis-jenis perkhidmatan yang diberi dan agensi-agensi yang menyediakannya.

9. Saya difahamkan sebuah buku berjudul "Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia" telah dikeluarkan pada bulan Jun 1993 yang menggariskan panduan dan menyediakan rujukan yang komprehensif kepada para peniaga. Dengan adanya buku ini sektor swasta akan lebih mudah mengurus dengan agensi-agensi awam di samping menjimatkan masa dan tenaga. Kefahaman mengenai sistem pentadbiran awam keseluruhannya juga dapat mengurangkan salah faham atau mengatasi kekeliruan yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara sektor awam dengan swasta.

10. Maklumat yang tepat dan komunikasi yang berkesan adalah pra-syarat yang amat penting dalam pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu. Persefahaman baik antara golongan-golongan dalam masyarakat akan dapat dipertingkatkan melalui pembekalan maklumat yang tepat dan jitu.

11. Pembekalan maklumat juga adalah penting dalam membangun satu masyarakat berilmu. Peralihan daripada masyarakat perindustrian kepada masyarakat maklumat memerlukan data-data yang mana dapat mempengaruhi keputusan dan tindakan anggota-anggota masyarakat. Kini, perkembangan teknologi telah menghasilkan sistem komunikasi satelit yang canggih yang dapat menyalurkan maklumat dengan pantas dan serta merta ke seluruh dunia.

12. Rakyat Malaysia perlu menyedari kemajuan-kemajuan sedemikian untuk bersama maju dengan memperolehi dan menggunakan maklumat yang tepat dan terkini secara berkesan. Kita harus meningkatkan keupayaan memproses dan menggunakan maklumat demi memperbaiki lagi daya fikiran rakyat Malaysia. Pekerja yang berpengetahuan merupakan sumber utama yang penting ke arah mencapai matlamat negara maju yang dihormati dunia.

13. Saya berbangga dengan usaha untuk membangun dan

melaksanakan Civil Service Link (CSL). Perwujudan CSL merupakan titik permulaan satu era baru dalam penggunaan teknologi maklumat Kerajaan. Sebelum ini, maklumat Kerajaan disimpan oleh pelbagai agensi dalam bentuk yang berbeza-beza. Ada yang dicetak, dan ada yang disimpan di dalam sistem komputer. Pengguna sektor swasta dan orang ramai yang memerlukan maklumat perlu berurusan dengan pelbagai agensi yang mana ini menimbulkan pembaziran masa, wang dan tenaga.

14. Dengan CSL ini, maka satu langkah 're-engineering' proses telah berlaku di mana 'access' kepada maklumat Kerajaan boleh dipermudahkan. Saya berharap usaha-usaha sedemikian akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian maklumat perkhidmatan Kerajaan kepada pelanggan-pelanggannya. Saya juga berharap usaha-usaha yang berterusan dapat dijalankan untuk mengumpul maklumat terkini dan lengkap daripada pelbagai agensi-agensi Kerajaan. Yang penting ditekankan ialah maklumat yang terkini.

15. Sebagai sebuah institusi CSL perlu mendapat pengiktirafan kegunaannya oleh sektor swasta dan orang ramai dalam jangka masa panjang. Adalah diharapkan CSL dapat berperanan sebagai sebuah pusat maklumat Kerajaan yang dikagumi ramai di rantau ini.

16. Usaha-usaha hendaklah dilaksanakan secara berterusan untuk membangunkan satu budaya bagi mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang teratur dan sistematik di agensi-agensi Kerajaan. Di samping itu, satu agenda penyelidikan dalam bidang maklumat Kerajaan harus dirancang dan dilaksanakan untuk menghasilkan kaedah-kaedah dan piawaian bagi meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan maklumat Kerajaan.

17. Majlis hari ini merupakan satu lagi tanda pencapaian cemerlang Kerajaan dalam penggunaan teknologi maklumat. Ia juga melambangkan kematangan penggunaan teknologi maklumat oleh Kerajaan. Tumpuan Kerajaan kini ialah perwujudan sebuah infrastruktur maklumat yang mantap dan jitu sebagai landasan untuk menggerakkan negara ke satu tahap pembangunan yang maju, dinamik dan cemerlang. Justeru itu, perasmian Civil Service Link ini bukan sahaja tepat pada masanya, tetapi juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang 'information rich'.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Projek Civil Service Link.